

## **AMALAN GAYA HIDUP DAN KESANNYA TERHADAP PELAJAR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN**

**AZIRAH BINTI SEMAN**

[azie0207@yahoo.com](mailto:azie0207@yahoo.com)

**ROSHADAH BINTI ABU BAKAR**

[roshadah5058@gmail.com](mailto:roshadah5058@gmail.com)

**ANIS NADYA BINTI CHE AHMAD**

[anadyahmad@gmail.com](mailto:anadyahmad@gmail.com)

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis

### **ABSTRAK**

Salah satu faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan pelajar adalah amalan gaya hidup yang positif. Sehubungan itu, satu kajian telah dijalankan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin bagi mengenalpasti amalan gaya hidup dan kesannya terhadap pelajar. Kajian melibatkan 220 responden yang terdiri daripada pelajar semester 1 sesi Jun 2020. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif analisis deskriptif. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan gaya hidup pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin terbahagi kepada 2 iaitu amalan positif dan amalan negatif. Bagi amalan positif tahap yang dicapai tinggi dengan nilai min 3.87 dan bagi amalan negatif tahap yang dicapai sederhana dengan nilai min 2.42. Selain itu, kesan amalan gaya hidup pelajar juga terbahagi kepada 2 iaitu kesan positif dan kesan negatif. Bagi kesan positif, tahap yang dicapai tinggi dengan nilai min 4.13 manakala bagi kesan amalan negatif, tahap yang dicapai rendah dengan nilai min 2.26. Hasil kajian ini menunjukkan amalan gaya hidup pelajar sangat memberi kesan kepada kejayaan pelajar. Terdapat juga hubungkait antara amalan gaya hidup dengan kesan hidup pelajar. Justeru, kajian ini dapat membantu semua pihak terutamanya pihak pengurusan politeknik agar dapat memberi penekanan yang serius terhadap peraturan rutin harian dan program yang perlu diikuti oleh setiap pelajar agar sentiasa mengamalkan gaya hidup yang positif.

**Kata kunci:** Amalan Gaya Hidup, Kesan Terhadap Pelajar, Kecemerlangan Akademik dan Sahsia

### **1. Pengenalan**

Kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi. Ia merupakan gambaran awal sejauh mana tahap kefahaman di dalam bidang yang dipelajari telah dikuasai. Kecemerlangan ini turut menjanjikan pekerjaan yang terjamin untuk masa hadapan dan seterusnya menjadi pakar rujuk dan penggerak dalam sosialisasi masyarakat kerana kepakaran yang telah dipelajari di institusi pengajian tinggi. Hal ini bertepatan dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (2011) yang menyatakan pencapaian akademik merupakan elemen yang penting dan amat dititikberatkan oleh masyarakat dalam konteks kehidupan hari ini yang berorientasikan pendidikan.

Namun demikian, kecemerlangan akademik pelajar tidak harus diukur berdasarkan prestasi akademik semata-mata. Ia haruslah diukur dalam skop yang lebih luas merangkumi

kecemerlangan akhlak, pembentukan sikap, keperibadian mulia, ketangkasan fizikal dan emosi yang stabil selain kepintaran intelek bagi membuktikan sifat hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan negara bagi mencapai kebaikan dunia dan akhirat. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam yang mengatakan bahawa pendidikan merupakan satu proses secara berterusan bagi memupuk seluruh potensi semulajadi manusia dari segi intelek, akhlak, rohani, jasmani dan emosi (Mohd Yusuf, 2002). Kecemerlangan ini dilihat amat berkait rapat dengan amalan kehidupan pelajar seharian.

Oleh yang demikian, penyelidikan telah membuktikan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar berkait rapat dengan amalan gaya hidup pelajar seharian. Amalan-amalan ini turut akan meninggalkan kesan kepada pelajar tersebut khasnya dan pihak lain amnya. Oleh yang demikian, kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah amalan gaya hidup seharian yang diamalkan oleh pelajar-pelajar semester satu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, kesannya kepada mereka dan korelasi antara kedua-duanya.

### ***1.1 Objektif Kajian***

1. Menenalpasti amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
2. Menenalpasti kesan amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
3. Menganalisis hubungkait amalan gaya hidup dan kesannya kepada pelajar

### ***1.2. Hipotesis Kajian***

Hipotesis kajian adalah berkaitan gaya hidup pelajar dan hubungannya dengan kesan yang berlaku kepada pelajar

Ha 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan gaya hidup positif dengan kesan positif kepada pelajar

Ha 2: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan gaya hidup negatif dengan kesan negatif kepada pelajar

## **2. Tinjauan Literatur**

Banyak kajian lepas telah membuktikan kecemerlangan akademik pelajar berkait rapat dengan amalan gaya hidup mereka. Kajian yang dijalankan oleh Nur Amirah (2006) misalnya terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan amalan kehidupan seharian pelajar Tahun Lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian oleh Muhammad Salehan & Rohana (2020), turut menyatakan kebahagiaan hidup pelajar merupakan satu faktor yang penting bagi memastikan kecemerlangan dalam akademik dan ianya dapat diperolehi daripada pengamalan gaya hidup sihat. Begitu juga kajian oleh A. Ahmad & ect (2006) yang

menemukan corak aktiviti pelajar yang merangkumi gaya hidup pelajar di kolej kediaman mampu mempengaruhi pencapaian akademik.

Kajian-kajian ini turut disokong oleh kajian daripada Nurul Ain & Azizi (2012), yang mengatakan amalan kehidupan seharian turut mempengaruhi tingkah laku pelajar dan tingkah laku yang positif akan mempengaruhi prestasi akademik mereka. Begitu juga kajian oleh Wan Mohd Fazli (2014) yang mendapati faktor utama yang mendorong proses pembelajaran pelajar turut dipengaruhi faktor personaliti dan persekitaran. Umum mengetahui tingkah laku seseorang turut berkait rapat dengan personalitinya. Semua kajian ini telah membuktikan bahawa gaya hidup merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar.

Kajian amalan gaya hidup pelajar bukanlah sesuatu yang baharu. Sudah terdapat banyak kajian yang telah dilakukan sama ada di sekolah mahupun peringkat universiti. Walaubagaimanapun, kajian amalan gaya hidup ke atas pelajar politeknik amat kurang dilaksanakan sehingga hari ini. Tinjauan mendapati hanya terdapat kajian mengenai gaya pembelajaran sahaja yang banyak dijalankan ke atas pelajar politeknik dan tidak membincangkan amalan gaya hidup pelajar secara menyeluruh. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini dapat digunakan bagi tujuan pembangunan dan kecemerlangan politeknik.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif analisis deskriptif dan analisis inferensi yang bertujuan untuk mendapatkan skor amalan gaya hidup pelajar, kesan dan korelasi antara kedua-duanya. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklum balas daripada responden dengan cepat dan tepat. Data dapat dikumpulkan dalam masa yang singkat menggunakan kaedah ini selain dapat memberi gambaran yang jelas mengenai amalan gaya hidup pelajar politeknik.

#### **3.1 Sampel Kajian**

Kajian telah dijalankan ke atas 220 orang pelajar Semester 1 ambilan Jun 2020 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

#### **3.2 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:40), instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Instrumen ini mengandungi 2 bahagian iaitu:

Bahagian A: Mengenalpasti amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bahagian B: Mengenalpasti kesan amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bahagian C : Menganalisis hubungkait amalan gaya hidup dan kesannya kepada pelajar

Penggunaan skala likert iaitu pelajar dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad

Najib Abdul Ghafar,1999:98) Dalam bahagian ini, pelajar dikehendaki menanda jawapan berdasarkan skala dalam jadual 3.1 :

Jadual 3.1: Pengkelasan skala likert

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
skor	1	2	3	4	5

Hasil analisis kajian berdasarkan kepada nilai skor min kepada tiga tahap iaitu:

Jadual 3.2: Nilai Skor Min

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Merujuk kepada jadual 3.2 pengkaji mengkatogerikan kembali lima point skala likert kepada tiga peringkat. Skor soalan yang digunakan dalam soal selidik ini adalah normal iaitu pengkaji meletakkan nilai min antara 1.00 hingga 2.33 sebagai skor rendah, min 2.34 hingga 3.66 sebagai skor sederhana dan min 3.67 hingga 5.00 sebagai skor tinggi (Sumber : Mohamad Najib, A.G. 1999 : 51)

Bagi analisis inferensi, pengkaji menggunakan kaedah korelasi *pearson*. Analisis korelasi adalah untuk mengetahui hubungkait antara dua pemboleh ubah (Mohamad Najib, A. G.1999 :51). Kekuatan korelasi adalah seperti jadual yang berikut:

Jadual 3.3: Klasifikasi kekuatan korelasi

Julat (+ atau -)	Kekuatan
0.0 hingga 0.2	Sangat Lemah
0.2 hingga 0.4	Lemah, Rendah
0.4 hingga 0.7	Sederhana
0.7 hingga 0.9	Tinggi, Kuat
0.9 hingga 1.0	Sangat Tinggi, Sangat Kuat

(Sumber : Mohamad Najib, A.G. 1999 : 51)

Kajian ini menggunakan dua bentuk analisis data iaitu analisis statistik *deskriptif* dan analisa statistik inferensi. Analisis *deskriptif* digunakan untuk menganalisis pencapaian pelajar yang terlibat dalam kajian ini melalui gambaran awal data yang dikumpul dengan menggunakan ukuran kecenderungan memusat yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, purata (*min*),

*median* dan *mod*. Manakala analisis inferensi pula membolehkan pengkaji membuat andaian berkaitan dapatan kepada sampel atau populasi. Analisis inferensi melibatkan analisis tentang dua pemboleh ubah iaitu analisis tentang perbezaan dan analisis tentang hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar amalan gaya hidup pelajar dan pemboleh ubah tidak bersandar kesan amalan gaya hidup pelajar

#### 4. Dapatan Kajian

##### 4.1 Bahagian A : Analisis data mengenai amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif iaitu tahap amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dari segi amalan gaya hidup positif dan amalan gaya hidup negatif. Bagi amalan gaya hidup positif pelajar terdapat 8 soalan dikemukakan dalam bahagian ini. Manakala bagi amalan gaya hidup negatif pelajar terdapat 16 soalan yang dikemukakan.

Jadual 3.4: Amalan gaya hidup pelajar yang positif

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya suka dengan aktiviti berbentuk kerohanian	-	-	10.3	62.3	27.3	4.17	0.59	Tinggi
2.	Saya suka mendengar ayat al-Quran dari youtube	-	-	7.70	62.9	29.5	4.22	0.57	Tinggi
3.	Saya suka bergaul dengan kawan-kawan yang menjaga solat	-	-	3.20	41.8	55.0	4.52	0.56	Tinggi
4.	Saya suka bergaul dengan kawan-kawan selepas waktu kuliah	0.50	-	12.3	55.0	32.3	4.19	0.67	Tinggi
5.	Saya suka menghadiri majlis ilmu	-	0.50	15.5	65.0	19.1	4.03	0.60	Tinggi
6.	Saya menghadiri majlis ilmu/ceramah sekurang-kurangnya sekali seminggu	0.50	9.50	45.5	38.6	5.90	3.40	0.76	Sederhana
7.	Saya menghadiri kuliah maghrib sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid	1.40	12.7	50.9	30.5	4.50	3.24	0.78	Sederhana
8.	Saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di masjid	2.70	10.5	56.8	25.4	4.10	3.18	0.78	Sederhana
Min purata keseluruhan							3.87	0.66	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual di atas hasil analisis data amalan gaya hidup pelajar yang positif menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.87. Item 1-5 menunjukkan tahap amalan gaya hidup pelajar yang positif dari segi kegemaran aktiviti kerohanian, mendengar bacaan al-Quran dan bergaul dengan kawan yang menjaga solat adalah masing-masing dengan nilai min 4.17, 4.22 dan 4.52.

Selain itu, pelajar juga suka bergaul dengan kawan selepas waktu kuliah dan suka menghadiri majlis ilmu juga dengan skor yang tinggi dengan nilai min 4.19 dan 4.03. Manakala bagi item menghadiri majlis ilmu seminggu sekali dan menghadiri kuliah maghrib seminggu sekali serta menghadiri majlis bacaan yassin di masjid setiap malam jumaat adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 3.40, 3.24 dan 3.18.

Hal ini menunjukkan pelajar sudah mula menanam minat dengan suka kepada perkara yang baik dan suasana yang baik namun untuk menghadirkan diri ke majlis ilmu, kuliah maghrib dan bacaan yassin masih lagi perlu kepada faktor-faktor sokongan luar seperti persekitaran dan dorongan kawan-kawan dan lain-lain yang mampu menarik diri pelajar untuk menghadirkan diri dengan sukarela dan berubah kepada kebaikan.

Menurut Mat Daud, Hasbullah; Yussof. Ahmad; Abdul Kadir, Fakhrul Adabi; (2020) Sokongan persekitaran meliputi elemen-elemen kemanusiaan, seperti sokongan guru, sokongan ibu bapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan masyarakat serta elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka akan memberi kesan terhadap akhlak dan sahsiah pelajar. Sewajarnya pelajar perlu mendapat semua sumber sokongan persekitaran iaitu ibu bapa, guru, rakan sekelas dan komuniti bagi membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Seseorang akan berubah ke arah kebaikan jika ia menghayati akhlak dalam kehidupannya kerana akhlak mulia dapat memberikan kesan yang positif dalam kehidupan seharian.

Bahagian seterusnya adalah berkaitan analisis deskriptif amalan gaya hidup pelajar yang negatif. Terdapat 16 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.5: Amalan gaya hidup pelajar yang negatif

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya lebih berminat dengan gaya hidup moden masa kini yang bebas bergaul	12.3	35.5	37.3	12.7	2.30	2.57	0.94	Sederhana
2.	Saya suka melayari internet sehingga jauh malam	4.50	13.2	40.5	32.3	9.50	3.29	0.97	Sederhana
3.	Saya suka bermain game sehingga lewat malam	24.1	21.8	27.3	16.8	10.0	2.67	1.30	Sederhana
4.	Saya sering melepak dengan kawan-kawan sehingga jauh malam	36.8	26.4	19.5	12.3	5.00	2.22	1.21	Rendah
5.	Saya sering melepak dengan kawan-kawan di kafe	23.6	31.8	30.0	10.0	4.50	2.40	1.09	Sederhana
6.	Saya lebih suka menyendiri di dalam bilik selepas habis kuliah	9.50	20.9	35.5	19.5	14.5	3.09	1.15	Sederhana
7.	Saya meminati muzik hip hop/rock	12.7	26.8	32.3	20.5	7.70	2.84	1.13	Sederhana
8.	Saya suka muzik irama nasyid	-	1.80	34.1	50.5	13.6	3.76	0.70	Tinggi
9.	Saya pernah melakukan hubungan seks sebelum kahwin	92.7	5.90	0.90	-	0.50	1.10	0.40	Rendah
10.	Saya sering leka dengan whatsapp, facebook dan lain-lain	5.90	13.6	49.5	25.0	5.90	3.11	0.92	Sederhana
11.	Saya suka menghabiskan masa dengan menonton movie online	9.10	18.6	39.1	25.0	8.20	3.05	1.06	Sederhana
12.	Saya suka melepak dengan kawan-kawan lain jantina	22.3	30.9	39.1	7.30	0.50	2.33	0.92	Rendah
13.	Saya sering keluar berdating dengan kekasih di waktu malam	77.7	17.7	4.10	0.50	-	1.27	0.56	Rendah
14.	Saya sering keluar berdating dengan kekasih di waktu siang di bandar/pekan	60.0	27.3	10.0	2.70	-	1.55	0.78	Rendah
15.	Saya suka berdating dengan kawan sejangina	55.5	23.6	10.9	9.10	0.90	1.76	1.03	Rendah
16.	Saya berkawan rapat dan mesra(cinta/kasih) dengan kawan sejangina	61.4	18.2	10.5	7.70	2.30	1.71	1.08	Rendah
<b>Minpurata keseluruhan</b>							<b>2.42</b>	<b>0.95</b>	<b>Sederhana</b>

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (S<sup>1</sup>), 2=Tidak Setuju (T<sup>2</sup>), 3=Kurang Setuju (K<sup>3</sup>), 4=Setuju (S<sup>4</sup>), 5=Sangat Setuju (S<sup>5</sup>)

Berdasarkan jadual di atas hasil analisis data amalan gaya hidup pelajar yang negatif menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang sederhana iaitu 2.42. Item 1-11 menunjukkan tahap amalan gaya hidup pelajar yang negatif dari segi kegemaran aktiviti kebebasan bergaul, bermain game, lepak hingga lewat malam, seks sebelum kahwin, leka dengan facebook dan seumpamanya, menonton movie online masing-masing mencapai tahap skor min sederhana kecuali lepak hingga lewat malam dan seks sebelum kahwin mencapai skor yang rendah dengan masing-masing 2.22 dan 1.10.

Selain itu, bagi item 12-16 iaitu lepak dengan kawan berlainan jantina, keluar berdating dengan kekasih, dan berkasih sayang dengan kawan sejangina mencapai nilai skor min rendah. Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar tidak suka melakukan amalan gaya hidup negatif ini namun begitu terdapat segelintir pelajar masih melakukan amalan gaya hidup ini. Keadaan ini perlu dibendung segera kerana dibimbangi mampu mempengaruhi pelajar yang lain untuk

melakukannya dan tidak mustahil peratus pelajar yang melakukan amalan gaya hidup ini akan meningkat sekiranya tidak ada usaha-usaha untuk mencegah masalah ini.

Mohd Arifin, Raihan, et al (2019) Pembentukan sahsiah seseorang amat berkait rapat dengan perkembangan persekitaran setempat. Persekitaran yang buruk mampu mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang. Perkembangan persekitaran yang baik bermula dengan perancangan strategi dan pelaksanaan yang teratur dan bersistematik. Kedua-dua perkara ini merupakan asas yang penting dalam pembentukan persekitaran yang baik.

Ibn Khaldun (1993) menitikberatkan amali iaitu tingkah laku bermasyarakat kerana perilaku atau perbuatan masyarakat akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar akan mempengaruhi tingkah laku amali mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, maka pelajar lain juga akan mencontohi amali yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya.

#### 4.2 Bahagian B: Mengenalpasti kesan amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif iaitu analisis kesan amalan gaya hidup seharian pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dari segi kesan positif dan kesan negatif. Sebanyak 7 soalan yang dikemukakan dalam bahagian kesan positif dan 10 soalan untuk bahagian kesan negatif.

Jadual 3.6: Kesan amalan gaya hidup pelajar yang positif

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya menjadi lebih terbimbing dengan sentiasa menghadiri kuliah agama	0.90	1.80	9.10	51.8	36.4	4.21	0.75	Tinggi
2.	Saya menjadi lebih tenang dan bahagia apabila mendengar bacaan ayat al-Quran	-	0.50	1.80	35.9	61.8	4.59	0.55	Tinggi
3.	Saya menjadi semakin baik dari hari ke hari dengan menghadiri kuliah agama	-	0.90	12.3	55.9	30.9	4.17	0.67	Tinggi
4.	Saya akan rugi sekiranya meluangkan banyak masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah	5.50	3.20	17.7	43.6	30.0	3.90	1.04	Tinggi
5.	Saya akan tercicir pelajaran sekiranya tidak pandai mengurus masa dengan aktiviti berfaedah	2.30	0.90	10.5	42.3	44.1	4.25	0.85	Tinggi
6.	Saya akan berjaya dalam pengajian dengan belajar hingga lewat malam	0.90	14.5	52.3	27.3	5.00	3.21	0.78	Sederhana
7.	Saya akan berjaya sekiranya bijak merancang masa dengan aktiviti yang berfaedah	-	-	5.90	30.5	63.6	4.58	0.60	Tinggi
Min purata keseluruhan							4.13	0.75	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual di atas hasil analisis data kesan amalan gaya hidup pelajar yang positif menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.13. Item 1-5 menunjukkan tahap kesan amalan gaya hidup pelajar yang positif iaitu dengan apa yang dirasai pelajar dari segi bimbingan agar terbiasa untuk sentiasa menghadiri kuliah agama, menjadi lebih tenang dan



bahagia mendengar ayat al-Quran, merasai diri menjadi semakin berubah kepada yang lebih baik, merasa rugi sekiranya melakukan perkara yang tidak berfaedah dan akan tercicir sekiranya tidak pandai mengurus masa dengan perkara yang berfaedah iaitu masing-masing telah mencapai nilai skor yang tinggi.

Selain itu bagi item 6, pelajar yakin akan berjaya dalam pengajian dengan belajar hingga lewat malam mencapai nilai min sederhana 3.21. Manakala bagi item 7 pelajar yakin akan berjaya sekiranya bijak merancang masa dengan aktiviti yang berfaedah kerana masa yang diisi dengan aktiviti yang berfaedah mampu menjadikan diri pelajar lebih bermakna dan berkualiti serta berjaya dengan cemerlang dalam bidang pengajian. Amalan gaya hidup pelajar sangat memberi kesan dalam diri pelajar sekiranya perkara baik yang dilakukan maka hasilnya juga adalah baik begitu juga sebaliknya.

Mustafa, Mohammad Muslihuiddin Syah, (2019) Pengaruh globalisasi juga menimbulkan kesan gaya kehidupan yang semakin mencabar masa kini. Arus globalisasi memberi lebih ruang yang lebih terbuka kepada kita untuk mendapat maklumat tanpa perlu disaring atau ditapis dan ia memberi kesan pengaruh yang kuat terhadap akhlak manusia terutama sekali golongan pelajar. Pergaulan dengan seseorang yang berakhlak baik dan berbudi pekerti akan menjadikan jiwa seseorang itu cenderung kepada kebaikan. Manakala pergaulan dengan seseorang yang berakhlak keji akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap kehidupan manusia.

Masyarakat kita terutama sekali golongan pelajar yang muda belia perlulah dididik, dibimbing dan diasuh dari awal dengan pendidikan akhlak yang tersusun rapi untuk melahirkan generasi rabbani. Belia adalah aset negara yang amat berharga.

Bahagian seterusnya adalah berkaitan analisis deskriptif kesan amalan gaya hidup pelajar yang negatif. Terdapat 10 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.7: Kesan amalan gaya hidup pelajar yang negatif

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya bahagia apabila dapat bergaul bebas dan bercampur dengan kawan berlainan jantina	16.4	37.7	36.8	7.70	1.40	2.40	0.89	Sederhana
2.	Saya selalu bangun lewat apabila berjaga malam	8.20	19.1	45.0	20.5	7.30	3.00	1.01	Sederhana
3.	Saya banyak menghabiskan masa dengan bermain game	30.5	27.3	31.4	7.70	3.20	2.26	1.07	Rendah
4.	Saya banyak menghabiskan masa dengan melepak dengan kawan-kawan	27.7	27.3	34.5	8.60	1.80	2.30	1.02	Rendah
5.	Saya banyak menghabiskan masa dengan whatsapp/facebook/instagram	5.00	15.5	41.4	30.9	7.30	3.20	0.95	Sederhana
6.	Saya selalu ponteng kelas sebab bangun lewat	71.4	23.2	3.20	2.30	-	1.36	0.66	Rendah
7.	Saya selalu masuk kelas lewat sebab bangun lambat	64.1	23.6	9.50	2.30	0.50	1.51	0.79	Rendah
8.	Saya selalu tercicir pelajaran sebab masuk kelas lewat	59.5	26.8	12.7	-	0.90	1.56	0.78	Rendah
9.	Saya rasa bahagia apabila mempunyai kekasih hati	34.1	35.0	25.5	4.50	0.90	2.03	0.93	Rendah
10.	Saya rasa bahagia apabila berkawan rapat dan mesra dengan kawan sejawat	12.3	15.9	36.8	30.5	4.50	2.99	1.07	Sederhana
Min purata keseluruhan							2.26	0.92	Rendah

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual di atas hasil analisis data kesan amalan gaya hidup pelajar yang negatif menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang rendah iaitu 2.26. Item 1-10 menunjukkan tahap kesan amalan gaya hidup pelajar yang negatif dengan apa yang dirasakan pelajar dari segi rasa bahagia apabila bergaul bebas, banyak menghabiskan masa dengan bermain game dan lepak, ponteng kelas dan rasa bahagia apabila berkasih sayang dengan kawan sejawat yang mana nilai skor min masing-masing antara rendah dan sederhana.

Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar tidak mengamalkan amalan negatif yang membawa kesan yang rendah pada amalan gaya hidup negatif. Walaupun nilai skor rendah pada kesan gaya hidup negatif namun ia tidak boleh dipandang ringan dan sangat perlu dibendung dengan bimbingan berkala kepada segelintir pelajar yang terlibat agar kesan amalan negatif ini boleh diatasi dengan sebaik mungkin.

Rosli, Tasnim; Muniandy, Yogenathan; Jasmi, Kamarul Azmi (2019) Masyarakat hari ini bukan sahaja perlu dididik dan dibimbing dari semasa ke semasa dengan ilmu duniawi, bahkan ilmu ukhrawi, adab dan akhlak sangat perlu ditekankan walaupun sekarang masyarakat kita memandang remeh terhadap perkara tersebut. Dengan ilmu duniawi dan ukhrawi serta akhlak yang terpuji dapat membendung masyarakat daripada mudah terjebak dengan perkara negatif terutamanya isu media sosial yang mana ia sangat bahaya dan menjadi ikutan masyarakat pada hari ini.

### **4.3 Bahagian C : Menganalisis hubungkait amalan gaya hidup dan kesannya kepada pelajar**

#### **4.3. Dapatan Analisis Inferensi Hipotesis**

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis ujian korelasi hubungan antara pemboleh ubah bersandar iaitu amalan gaya hidup pelajar yang positif dengan kesan amalan gaya hidup pelajar yang positif. Formula garis linear digunakan dalam ukuran ini iaitu  $y$  (amalan gaya hidup),  $x_1$  (kesan positif),  $x_2$  (kesan negatif).

#### **4.3.1 Hubungkait amalan gaya hidup pelajar yang positif dengan kesan positif**

Hasil dapatan kajian adalah seperti di dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8 : Hubungan antara amalan gaya hidup pelajar yang positif dengan kesan positif kepada pelajar

		Kesan positif	Tahap
Amalan gaya hidup pelajar(positif)	Pearson Correlation	.333	Rendah
	Sig. (2 - tailed)	.000	
	N	220	

Aras Signifikan : 0.05

Jadual 3.8 menunjukkan analisis ujian hipotesis bagi korelasi Pearson yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan gaya hidup pelajar dengan kesan positif iaitu nilai  $r$  (pekali Korelasi) bagi item ini ialah 0.333. Pekali korelasi ini signifikan pada aras keyakinan 0.05. Oleh itu  $H_a$  diterima dan  $H_o$  adalah salah. Keputusan ini membenarkan hipotesis kajian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Oleh yang demikian, dapatan ini bermaksud amalan gaya hidup pelajar mempunyai perkaitan dengan kesan positif pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Walau bagaimanapun, hubungan yang terhasil di antara dua pemboleh ubah ini adalah pada tahap yang rendah.

#### 4.3.2 Hubungkait amalan gaya hidup pelajar yang negatif dengan kesan negatif

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis ujian korelasi terhadap amalan gaya hidup (negatif) dengan kesan negatif kepada pelajar.

Jadual 3.9 : Hubungan antara amalan gaya hidup pelajar yang negatif dengan kesan negatif kepada pelajar

		Kesan Negatif	Tahap
Amalan gaya hidup pelajar(negatif)	Pearson Correlation	.772	Tinggi
	Sig. (2 - tailed)	.000	
	N	220	

Aras Signifikan : 0.05

Jadual 3.9 menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi antara amalan gaya hidup pelajar (negatif) dengan kesan negatif iaitu 0.772 ( $r$ ). Berdasarkan keputusan yang diberikan,  $H_a$  adalah diterima, manakala  $H_o$  adalah ditolak. Pekali Korelasi ini signifikan pada aras keyakinan 0.05. Oleh kerana itu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan gaya hidup pelajar(negatif) sangat memberi kesan kepada kehidupan pelajar memandangkan tahap kesannya yang tinggi. Hal ini mungkin disebabkan kebiasaan amalan gaya hidup yang lalu masih lagi mempengaruhi gaya hidup pelajar di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang mana keseluruhan pelajar datangnya daripada latarbelakang keluarga dan persekitaran yang berbeza-beza. Oleh itu, semua pihak perlu memandang serius hal ini dan tindakan yang sewajarnya sangat perlu diambil bagi mengelakkan pengaruh negatif menular dalam kalangan pelajar.

## 5. Cadangan

Keseluruhan hasil kajian menunjukkan para pelajar perlu diberi penekanan yang lebih serius melalui perancangan program-program dan garis panduan peraturan rutin harian yang perlu dilalui sebagai seorang pelajar. Antara cadangan yang difikirkan sesuai adalah

### 5.1 Program Pembangunan Spiritual

Implikasi kajian ini dapat membantu pihak pengurusan untuk menganjurkan program-program yang berfaedah kepada pelajar. Program-program berunsurkan pembangunan spiritual

contohnya perlu kepada pelajar agar mereka menyedari tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Hal ini dapat membantu mereka memperbaiki tingkah laku dan mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan seterusnya mendatangkan kecemerlangan dalam akademik dan kemantapan akhlak. Bertepatan dengan kajian Musliha, Rohana & Amimudin (2011) yang menyatakan penekanan kepada proses pendidikan yang berteraskan pembangunan spiritual akan mampu menjadi landasan yang kukuh bagi melahirkan pelajar yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu selari dengan matlamat pendidikan kebangsaan (Musliha, Rohana & Amimudin 2011).

### **5.2 Unit Hal Ehwal Pelajar**

Peranan pihak pentadbiran sangat penting dalam mempertingkatkan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar. Justeru, Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP) dilihat amat dekat bagi memantau aktiviti kehidupan seharian pelajar. Oleh kerana proses pendidikan berlaku secara menyeluruh dan bersepadu, UHEP seharusnya bertanggungjawab dalam merangka, merancang dan menetapkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan oleh pelajar di kamsis khususnya agar mereka tidak membuang masa serta mengelakkan pelajar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Sekiranya UHEP mengambil tanggungjawab dan peranannya, maka ia akan menjadi pelengkap kepada pendidikan formal di politeknik.

### **5.3 Penilaian Kurikulum**

Pihak penggubal kurikulum disarankan supaya menyemak semula kurikulum yang digunakan di politeknik. Mata pelajaran yang menjurus kepada pembentukan sahsiah dan pementapan akhlak perlulah ditekankan. Hal ini supaya tidak terdapat jurang yang ketara antara kecemerlangan intelektual dan spiritual. Tiada gunanya jika politeknik berjaya melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik tetapi pincang dari segi akhlaknya. Teras kepercayaan kepada Tuhan haruslah menjadi elemen utama dalam penggubalan kurikulum politeknik. Hal ini kerana kurikulum yang sistematik, unggul dan utuh akan menjadikan pelajar meminati, menghargai dan menghayati setiap apa yang disampaikan kepada mereka. Nor'ain (1999) dalam kajiannya menerangkan bahawa sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran akan berkeupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku dan sahsiah seseorang pelajar.

### **5.4 Asuhan Moral**

Peringkat remaja adalah merupakan tempoh mereka mengalami pertumbuhan yang pesat, pembangunan personaliti diri dan peralihan kematangan fikiran dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa dan peralihan fizikal, biokimia, psikologi dan sosial (Baysal, 2002). Oleh yang demikian, adalah tidak wajar jika ibu bapa lepas tangan dalam mendidik anak-anak mereka. Peranan ibu bapa dilihat sangat penting bagi memastikan anak-anak diasuh dan diajar dengan baik. Pemantauan ibu bapa sangat penting bagi memastikan anak-anak tidak terjebak dengan masalah salah laku yang negatif. Kajian Amy (2000) telah membuktikan bahawa pencapaian akademik pelajar bukan hanya bergantung kepada bagaimana proses pengajaran bilik darjah dilakukan, tetapi ia juga bergantung kepada bagaimana proses keperibadian individu itu terbentuk dan aspek kekeluargaan diterapkan yang seterusnya mempengaruhi motivasi pembelajaran pelajar itu sendiri.

## 6. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati amalan gaya hidup pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin lebih menjurus kepada amalan positif berbanding negatif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sudah semakin faham hala tuju matlamat mereka untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Namun tidak dinafikan terdapat segelintir pelajar yang masih mengamalkan gaya hidup yang negatif yang sudah pasti membawa kesan negatif kepada pelajar. Pelajar yang mengamalkan gaya hidup yang negatif ini perlu diberi perhatian dan bimbingan agar amalan negatif dapat dihindarkan sekali gus dalam diri pelajar kerana ia bukan sahaja merosakkan masa depan pelajar itu sendiri malah dibimbangi akan mempengaruhi pelajar lain untuk terjebak sama dengan amalan gaya hidup yang negatif ini.

Justeru itu, kajian ini sudah pasti mampu menjadi pengukur kepada penambahbaikan dari segi pelaksanaan program dan garis panduan peraturan rutin harian pelajar di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Selain itu, kajian ini juga sebagai satu usaha bagi menyelesaikan masalah gaya hidup pelajar yang negatif yang semakin membimbangkan semua pihak. Para pelajar yang mengamalkan gaya hidup yang negatif juga mampu menambahbaik amalan gaya hidup mereka kepada yang lebih baik serta cuba untuk melaksanakan segala perintah Allah dengan sebaiknya.

## 7. Rujukan

A.Ahmad, S.M.Idrus, N.N.N. A. Malik, N. A. Murad, N.H.Ngajikin, & M. R.M.Esa (2006). Pengaruh Gaya Hidup Pelajar Kejuruteraan di Kolej Kediaman UTM Terhadap Pencapaian Akademik. Capaian daripada URL:

[https://www.researchgate.net/publication/41058038\\_Pengaruh\\_gaya\\_hidup\\_pelajar\\_kejuruteraan\\_di\\_kolej\\_kediaman\\_UTM\\_terhadap\\_pencapaian\\_akademik](https://www.researchgate.net/publication/41058038_Pengaruh_gaya_hidup_pelajar_kejuruteraan_di_kolej_kediaman_UTM_terhadap_pencapaian_akademik).

Amy Loh Siew Mei (2000). Hubungan Antara Amalan Kekeluargaan Dengan Masalah Sosial Di Kalangan Pelajar Pusat Pengajian Sains Tulen USM Pulau Pinang. Tidak diterbitkan. Disertasi Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

Baysal, A. (2002). *General Nutrition*. Ankara: Hatiboglu Publications: 14, Press.

Chua Y. P. (2012) *Kaedah dan Statistik penyelidikan buku 2 Asas Statistik Penyelidikan* edisi kedua, Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al Hadrami.1993. *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011). CAP – Transformasi Politeknik: Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 25 September 2013.

Mohd Arifin, Raihan, Mat Teh, Kamarul Shukri, & Ghazali, Norfazila. (2019) *Konseptualisasi Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini Di Sekolah Menengah Agama*, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 21300 Kuala Terengganu, Terengganu. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies* Volume: 2 (1), 2019  
Journal website: www.jerisjournal.com e-ISSN 2682-759X

Mat Daud, Hasbullah, Yussof. Ahmad, Abdul Kadir, Fakhrol Adabi (2020) *Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam (Student Morality and Personality Formation through Social Learning According to Islamic Perspective)* Vol. 17. No.9 (2020), 75-89. ISSN: 1823-884x *Journal Of Social Sciences And Humanities*

Mohamad Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan keempat 2003, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Ta'zim

Mohd Yusuf Ahmad (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa, Mohammad Muslihuiddin Syah (2019) *Penerapan Nilai Akhlak Dalam Menjana Pembangunan Beliaseri* Begawan Religious Teachers University College Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau

Muhammad Salehan Alhafiz Mat Wajar & Rohana Hamzah (2020). *Model Kebahagiaan Hidup Pelajar Universiti Berdasarkan Faktor Kesihatan Mental, Kecerdasan Spiritual dan Demografi*. Malaysia *Journal of Social and Humanities (MJSSH)*. Volume 5: Issue 11 (page 17-32).

Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin (2011). *Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan*. *Journal of Edupres*, Volume 1 September 2011, Pages 223-229.

Nor'ain Sujak (1999). *Hubungan Masalah Tingkah Laku Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. Tidak diterbitkan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

Nur Amirah Binti Mohd Rashid (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Tidak diterbitkan. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia.

Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya (2012). *Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik*. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Volume 5 March 2012, Pages 30-57, ISSN: 2231-735X.

Rosli, Tasnim; Muniandy, Yogenathan; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). "Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti

Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.

Wan Mohd Fazli Wan Yusop (2014). *Faktor Yang Mendorong Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Program Kimpalan Di Kolej Vokasional*. Tidak Diterbitkan. Disertasi Sarjana Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.